

BIJAK BACA: MEMBINA KEMAHIRAN MEMBACA MELALUI STRATEGI YANG BERKESAN



Fadilah Isnin PhD

Pusat Bahasa Melayu Singapura

Abstrak

Membina kemahiran membaca murid merupakan satu cabaran utama guru dalam mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu terutama pengajaran yang melangkaui tahap bacaan mekanis. Murid kurang berminat untuk membaca kerana tidak dapat memahami dan mentafsir maklumat yang dibaca. Bagi mengatasi masalah ini, satu usaha intervensi telah dijalankan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS), Kementerian Pendidikan Singapura dengan meneliti strategi yang sesuai dan membina bahan Bijak Baca untuk diuji cuba di beberapa buah sekolah. Beberapa strategi yang diperkenal termasuklah strategi berfikir, mencari fakta, membina idea dan menggunakan penanda bacaan. Berdasarkan maklum balas guru, 70 (44%) daripada mereka mengatakan sangat setuju dan 88 orang guru (56%) menyatakan setuju bahawa strategi yang digunakan dalam bahan Bijak Baca dapat meningkatkan pengetahuan mereka melaksanakan strategi membaca yang berkesan bagi murid-murid. Berdasarkan maklum balas murid pula, 46 (84%) daripada mereka menyatakan sangat setuju dan 9 (16%) bahawa mereka boleh menggunakan strategi membaca untuk memahami teks dengan lebih baik. Pakej Bijak Baca selanjutnya telah diterbitkan untuk membantu sekolah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kefahaman bagi memenuhi keperluan murid yang berbeza dan pada masa yang sama meningkatkan kemampuan murid mengupas kandungan teks yang dibaca secara sendiri.

Kata kunci: kemahiran, membaca, pemahaman, strategi, kognitif

PENGENALAN

Semakin tinggi peringkat pembelajaran murid di sekolah, mereka akan didedahkan kepada teks dan grafik yang lebih kompleks dalam kemahiran membaca. Kemampuan untuk memahami dan menggunakan maklumat yang terkandung dalam teks akan membantu pencapaian murid dalam pembelajaran. Murid yang berjaya, mempunyai strategi yang pelbagai dan berupaya menggunakannya dalam pelbagai konteks. Oleh itu, membaca merupakan satu proses yang aktif untuk memahami teks dan grafik. Membaca melibatkan kemahiran berfikir. Pembaca yang aktif mengetahui apa yang dibaca dan bermakna. Pembaca yang aktif juga memantau bacaan mereka. Apabila terdapat perkara yang tidak difahami, pembaca aktif ini akan sering kali menggunakan strategi tertentu untuk membuat kaitan semula dengan maklumat yang dibaca. Pembaca yang aktif juga menggunakan strategi sebelum, semasa dan selepas membaca untuk memahami sesuatu teks itu.

Menurut Vaughn, Moody dan Schumm (2000), untuk meningkatkan pencapaian murid, guru harus menggunakan strategi pengajaran secara eksplisit semasa mengajar kefahaman membaca. Guru yang menyediakan pengajaran kefahaman membaca secara sistematik dan eksplisit akan dapat meningkatkan pencapaian murid, menggalakkan minat dan keghairahan murid untuk terus membaca. Namun, membina kemahiran murid untuk menjadi pembaca yang aktif dan dapat membaca secara sendiri merupakan satu cabaran utama guru, lebih-lebih lagi membaca untuk memahami yang melangkaui bacaan mekanis. Guru menghadapi cabaran untuk memastikan murid dapat memahami teks dengan menggunakan strategi yang sesuai. Pada masa yang sama guru juga harus menangani masalah murid yang mempunyai pengetahuan kosa kata yang terhad. Hal ini menjadi lebih sulit apabila murid dikehendaki membuat kaitan, membuat inferens, memantau pemahaman mereka dan membina kemampuan murid menjadi pembaca sendiri. Berdasarkan maklum balas guru, murid mengambil masa yang panjang dan ada antara mereka menjadi pasif apabila apa yang dibaca tidak dapat difahami dengan baik. Pada masa yang sama perkara ini telah menjejaskan pencapaian mereka dalam ujian kefahaman membaca.

Hal ini menjadi keprihatinan Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS), Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura.

Bagi membantu guru membina kemampuan murid dan mengatasi masalah ini, satu usaha intervensi telah dijalankan oleh MLCS dengan meneliti strategi yang sesuai dan membina bahan Bijak Baca untuk diuji cuba di beberapa buah sekolah.

PENYATAAN MASALAH

Membaca merupakan proses kognitif yang menuntut seseorang pembaca itu melibatkan pemikiran untuk memahami idea dan mesej pengarang. Di samping itu, membaca juga memerlukan pembaca menggunakan pelbagai strategi untuk membantunya memahami apa yang dibaca melampaui mesej pengarang. Namun, berdasarkan tinjauan dan maklum balas guru, strategi membaca yang dapat membantu murid memahami teks secara berkesan kurang diberikan penekanan. Strategi pembelajaran juga tidak didedahkan kepada murid secara eksplisit. Oleh itu, pembelajaran kefahaman membaca yang tidak dilakukan secara eksplisit kurang berkesan untuk meningkatkan pencapaian murid. Yang demikian, kajian ini dilakukan untuk melihat keberkesanan penggunaan pelbagai strategi dalam kelangsungan proses pembelajaran membaca dan pada masa yang sama meningkatkan kefahaman membaca murid.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menilai keberkesanan strategi membaca yang dapat digunakan oleh murid secara sendiri;
2. meneliti keupayaan guru menggunakan bahan Bijak Baca secara berkesan untuk mengajar kefahaman membaca; dan
3. meneliti keupayaan murid menggunakan bahan Bijak Baca untuk memahami teks.

KAJIAN LEPAS

Kemahiran membaca pada asasnya memerlukan murid menguasai tiga kebolehan, iaitu kebolehan linguistik, kebolehan wacana dan kebolehan sociolinguistik. Kebolehan linguistik merupakan kebolehan untuk mengenal pasti bentuk penulisan, pengetahuan kosa kata, dan pengetahuan bagaimana perkataan disusun menjadi ayat. Kebolehan wacana pula membina pengetahuan mengenai penanda wacana, bagaimana ayat dikaitkan antara satu sama lain. Manakala kebolehan

sosiolinguistik menuntut murid untuk mengetahui variasi bahasa dalam masyarakatnya. Oleh itu, kebolehan membaca merupakan satu proses yang kompleks yang perlu diasah secara berperingkat bagi memastikan murid boleh menguasai kebolehan tersebut.

Angela Almer (2009) menghujahkan bahawa dalam proses membaca, murid mengaplikasi pengetahuan dan maklumat yang terkandung dalam teks yang dibaca dengan menggunakan strategi yang bersesuaian. Pada masa yang sama, murid dapat mengenal pasti tujuan penulis teks, membezakan antara fakta dengan pendapat dan membuat kesimpulan yang logik. Justeru itu, kefahaman merupakan proses kognitif yang melibatkan pemikiran, idea, pengalaman seseorang pembaca untuk menggunakan strategi yang pelbagai yang dapat membantunya memahami teks yang dibaca melampaui mesej pengarang. Lantas, cabaran guru adalah memastikan murid memahami apa yang mereka baca.

Menurut Harvey dan Goudvis (2007), ramai murid boleh membaca tetapi mempunyai masalah untuk memahami teks yang dibaca. Murid mungkin mempunyai kemahiran untuk memahami perkataan tetapi kurang kemahiran proses berfikir yang membolehkan mereka memahami teks dengan lebih mendalam. Bagi setiap teks yang dibaca, murid harus dapat mengaitkan isinya dengan pengetahuan, idea dan pengalaman untuk memahami teks dengan lebih baik.

Pressley (2002) dan Almani (2003) menegaskan, guru yang menunjuk cara dan mengajar secara efektif strategi kefahaman membaca akan membantu murid menjadi pembaca yang berstrategi dan aktif. Strategi yang berkesan termasuklah memantau pemahaman, menggunakan grafik, bertanya soalan, membuat ringkasan dan mengenal struktur teks. Menurut Pressley lagi, dengan menggunakan strategi membaca yang tertentu, guru dapat menggalakkan murid untuk menyatakan apa yang mereka fikirkan dan bagaimana mereka memahami teks yang dibaca. Carlisle dan Rice (2002) pula menghujahkan bahawa guru yang menggabungkan strategi membaca akan dapat memandu murid untuk belajar membina makna, membuat analisis dan memberikan tafsiran yang lebih mendalam terhadap teks yang dibaca.

Joane M. Zimny (2008) menekankan, guru boleh menggunakan grafik, gambar dan imejan sebagai salah satu strategi kefahaman

membaca. Melalui cara ini murid dapat dilibatkan secara aktif berinteraksi dengan teks dan melatih murid memahami teks yang dibaca dengan menggunakan grafik.

Oleh itu, pemahaman membaca memerlukan pemikiran yang kompleks dan strategi yang spesifik. Membaca memerlukan masa untuk murid menguasai teks yang dibaca. Oleh itu, guru haruslah bersedia untuk meneroka dan menggunakan serta mengajar pelbagai strategi secara eksplisit kepada murid. Berdasarkan kajian lepas, pengetahuan mengenai strategi membaca penting untuk murid menguasai teks yang dibaca secara berkesan. Murid harus dibimbing agar mereka menjadi pembaca yang aktif dan secara automatik dapat mengaplikasikan pelbagai strategi tersebut dengan berkesan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kepustakaan dan kerja lapangan. Kajian ini melibatkan dua proses, iaitu proses awal merupakan tinjauan awal mengenai bahan Bijak Baca sebagai instrumen kajian yang melibatkan guru sahaja. Hasil daripada tinjauan ini, bahan Bijak Baca telah dikemas kini. Proses kedua merupakan kajian yang terperinci yang melibatkan guru dan murid. Kajian ini mengambil kira analisis secara kuantitatif dan juga kualitatif.

SUBJEK KAJIAN

Subjek kajian bagi tinjauan awal melibatkan 158 guru daripada 50 buah sekolah rendah. Subjek kajian bagi kajian yang terperinci melibatkan 27 orang guru dan 55 orang murid Darjah Empat dan Darjah Lima daripada empat buah sekolah rendah. Pemilihan empat buah sekolah ini dilakukan secara rawak.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan adalah item soal selidik dan bahan Bijak Baca yang memuatkan strategi membaca.

ITEM BAGI SOAL SELIDIK GURU DAN MURID

Item bagi soal selidik bagi tinjauan awal hanya terdiri daripada dua item sahaja. Item bagi kajian terperinci terdapat empat item bagi

kedua-dua kumpulan, iaitu guru dan murid. Sila rujuk Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah ini.

Jadual 1: Item Soal Selidik bagi Guru

No	Item
1.	Strategi membaca yang terdapat dalam bahan Bijak Baca membantu guru meningkatkan pemahaman membaca murid.
2.	Guru telah mempelajari strategi membaca yang berkesan.
3.	Murid dapat menggunakan strategi membaca untuk memahami teks dengan baik.
4.	Murid dapat menggunakan Bahan Bijak Baca dengan berkesan.

Jadual 2: Item Soal Selidik bagi Murid

No	Item
1.	Saya mempelajari strategi membaca untuk memahami teks.
2.	Saya boleh menggunakan strategi membaca dengan baik.
3.	Saya dapat memahami teks dengan baik.
4.	Saya boleh menggunakan buku Bijak Baca dengan berkesan.

BAHAN BIJAK BACA

Strategi membaca yang dimuatkan dalam Bahan Bijak Baca telah digunakan sebagai instrumen kajian. Strategi yang dikenal pasti seperti yang berikut:

STRATEGI PENGIMEJAN/GAMBARAN MINDA/MENJADI KREATIF

Strategi pengimejan, gambaran minda dan menjadi kreatif memberikan peluang kepada murid untuk berkongsi pengetahuan sedia ada atau pengalaman lampau dengan membuat pengimejan. Guru harus memastikan teks yang dipilih mempunyai unsur pengimejan yang baik. Strategi ini memenuhi keperluan murid yang mempunyai kecerdasan visual/*spatial*.

STRATEGI BERFIKIR

Strategi ini juga melibatkan murid secara aktif untuk memantau pemahaman mereka semasa membaca. Di samping itu, strategi ini juga mengajar murid untuk bertanyakan soalan dan menjadikan teks yang dibaca dapat difahami dengan lebih jelas. Komponen yang disarankan bagi strategi ini terdiri daripada berfikir, bertanya soalan, membuat inferens, membuat ramalan, membuat kaitan, memantau, menggambarkan dan meringkaskan. Dalam proses pembelajaran, guru digalakkan memilih beberapa komponen agar murid memahami setiap komponen itu dengan baik.

STRATEGI MENCARI FAKTA

Strategi ini sesuai digunakan bagi tujuan memahami teks yang berbentuk faktual. Strategi ini digunakan bagi mengenal pasti isi-isi penting dan sampingan. Di samping itu, strategi ini boleh digunakan untuk meneliti maklumat dengan tepat dan jelas. Perbezaan dan persamaan maklumat juga diteliti semasa menggunakan strategi ini.

STRATEGI MENCERITAKAN SEMULA

Strategi ini sesuai untuk melatih murid mengingat semula maklumat yang dibaca secara lisan. Strategi ini baik digunakan untuk membantu murid menyusun maklumat dalam minda semasa membaca. Strategi ini digunakan untuk melatih murid menceritakan semula apa yang dibaca secara kronologi dan berkongsi kandungan cerita secara lisan.

STRATEGI MENGGUNAKAN PENANDA BACAAN

Strategi menggunakan alat penanda bacaan sesuai dijadikan sebagai peringatan untuk mengetahui lebih lanjut tentang bahagian yang penting, bahagian yang menarik atau bahagian yang kurang difahami. Strategi ini digunakan dengan tujuan untuk membimbing murid menggunakan penanda dengan betul, menandakan maklumat penting, dan menyemak semula maklumat yang dibaca dengan merujuk bahagian yang ditandakan.

STRATEGI MENCARI IDEA

Membaca memerlukan murid memahami apa yang hendak disampaikan oleh pengarang. Murid dapat memahami teks dengan baik apabila mereka dapat mengenal pasti kata kunci dan maklumat utama teks. Oleh itu, strategi ini membantu murid untuk menandakan kata kunci, frasa utama, idea utama dan idea sampingan. Strategi ini juga membimbing murid untuk mengaitkan maklumat-maklumat yang ada dan membuat ringkasan bahan yang dibaca.

STRATEGI MEMBUAT PAPAN CERITA

Strategi Membuat Papan Cerita merupakan satu cara yang boleh digunakan bagi memperkukuh pemahaman bahan atau cerita yang dibaca. Cara ini lebih sesuai digunakan bagi memahami teks berbentuk naratif. Strategi ini mengukuhkan pemahaman murid mengenai urutan jalan cerita yang dibaca dengan melakar peristiwa yang berlaku dengan memasukkan grafik dalam papan cerita secara kreatif.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan mengemukakan analisis dapatan kajian secara kuantitatif dan kualitatif. Seterusnya bahagian ini akan turut membincangkan signifikan dapatan tersebut.

ANALISIS ITEM BAGI GURU


Berdasarkan tinjauan awal yang melibatkan 158 orang guru, dapatan kajian menunjukkan 70 (44%) guru menyatakan sangat setuju dan 88 (56%) guru menyatakan setuju bahawa strategi yang digunakan dalam bahan Bijak Baca dapat meningkatkan pengetahuan mereka untuk meningkatkan pemahaman membaca murid. Dapatan juga menunjukkan 78 (49%) guru menyatakan mereka sangat setuju dan 80 (51%) guru menyatakan setuju bahawa mereka telah mempelajari strategi membaca yang berkesan. Rujuk Jadual 3 dan Rajah 1.

Jadual 3: Item Soal Selidik Tinjauan Awal bagi Guru

No	Item	Jumlah/Peratusan			
		SS*	S*	TS*	STS*
1.	Strategi membaca yang terdapat dalam bahan Bijak Baca membantu guru meningkatkan pemahaman membaca murid.	70 (44%)	88 (56%)	0 (0%)	0 (0%)
2.	Guru telah mempelajari strategi membaca yang berkesan.	78 (49%)	80 (51%)	0 (0%)	0 (0%)

* SS- Sangat Setuju, S- Setuju, TS- Tidak Setuju dan STS- Sangat Tidak Setuju

Rajah 1: Peratusan Item Soal Selidik Tinjauan Awal bagi Guru




Berdasarkan soal selidik ke atas 27 orang guru bagi kumpulan yang kedua, dapatan kajian menunjukkan bagi Item1 daripada 27 orang responden, 25 (93%) menyatakan sangat setuju dan 2 (7%) setuju. Begitu juga bagi Item kedua, dapatan yang sama seperti Item 1.

Bagi Item 3 dapatan kajian juga menunjukkan dapatan yang positif. Dapatan menunjukkan daripada 27 responden, 20 (74%) guru mengatakan sangat setuju dan 7 (26%) guru menyatakan setuju bahawa murid dapat menggunakan strategi membaca untuk memahami teks dengan baik. Bagi item 4 pula, 18 (67%) orang guru menyatakan sangat setuju dan 7 (33%) menyatakan setuju. Sila rujuk Jadual 4 dan Rajah 2 di bawah ini.

Jadual 4: Item Soal Selidik bagi Guru

No	Item	Jumlah/Peratusan			
		SS*	S*	TS*	STS*
1.	Strategi membaca yang terdapat dalam bahan Bijak Baca membantu guru meningkatkan pemahaman membaca murid.	25 (93%)	2 (7%)	0 (0%)	0 (0%)
2.	Guru telah mempelajari strategi membaca yang berkesan.	25 (93%)	2 (7%)	0 (0%)	0 (0%)
3.	Murid boleh menggunakan strategi membaca untuk memahami teks dengan baik.	20 (74%)	7 (26%)	0 (0%)	0 (0%)
4.	Murid dapat menggunakan bahan Bijak Baca dengan berkesan.	18 (67%)	7 (33%)	0 (0%)	0 (0%)

Rajah 2: Peratusan Item Soal Selidik bagi Guru




ANALISIS DATA BAGI MURID

Analisis kajian menunjukkan bagi Item 1 daripada 55 murid, 41 (75%) menyatakan sangat setuju dan 14 (25%) menyatakan setuju bahawa mereka boleh menggunakan strategi membaca untuk memahami teks dengan lebih baik. Bagi Item 2, 46 (84%) murid menyatakan sangat setuju, dan 9 (16%) menyatakan setuju. Begitu juga bagi Item 3 dan 4 yang menunjukkan dapatan yang positif juga, iaitu, 45 (83%) bagi Item 3 dan 51 (93%) bagi Item 4 masing-masing menyatakan sangat setuju. Sila rujuk Jadual 5 dan Rajah 3 di bawah ini.

Jadual 5: Item Soal Selidik bagi Murid

No	Item	Jumlah/Peratusan			
		SS*	S*	TS*	STS*
1.	Saya mempelajari strategi membaca untuk memahami teks.	41 (75%)	14 (25%)	0 (0%)	0 (0%)
2.	Saya boleh menggunakan strategi membaca dengan baik.	46 (84%)	9 (16%)	0 (0%)	0 (0%)
3.	Saya dapat memahami teks dengan baik.	45 (83%)	10 (18%)	0 (0%)	0 (0%)
4.	Saya boleh menggunakan buku Bijak Baca dengan berkesan.	51 (93%)	4 (7%)	0 (0%)	0 (0%)

Rajah 3: Peratusan Item Soal Selidik bagi Murid



PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan tinjauan awal daripada 158 responden menunjukkan bahawa pengetahuan mengenai strategi membaca dapat membantu guru meningkatkan pemahaman membaca murid. Dengan mempelajari strategi membaca yang pelbagai guru boleh meningkatkan pencapaian murid. Guru juga mempelajari cara baharu untuk mengajar kefahaman membaca.

Hal ini selaras dengan soal selidik yang dijalankan ke atas 27 orang guru yang menjalankan kajian yang terperinci. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru yang menyedari bahawa mereka harus meningkatkan pengetahuan mengenai strategi membaca agar mereka dapat mengajar kefahaman membaca dengan lebih

berkesan. Dapatan ini menyokong pandangan guru bahawa mereka kurang peka terhadap pengetahuan yang perlu dikuasai untuk membimbing murid menggunakan strategi membaca bagi memahami sesebuah teks. Secara sedar guru mengakui kurangnya pengetahuan dan memahami kepentingan mengajar strategi secara eksplisit telah menghambat pencapaian murid dalam ujian kefahaman membaca. Guru juga berpandangan apabila murid dapat memahami teks yang dibaca dengan menggunakan strategi yang sesuai, hal ini akan menarik minat murid untuk membaca pelbagai genre. Strategi yang digunakan juga boleh melatih murid menjadi pembaca yang aktif. Murid juga dapat memilih strategi yang dirasakan sesuai untuk memahami sesebuah teks yang dibaca. Selain itu, strategi yang digunakan dapat meningkatkan kemahiran berfikir. Hal ini selaras dengan pandangan Angela Almer (2009) bahawa membaca melibatkan proses kognitif. Apabila murid dapat menggunakan strategi membaca dengan baik, murid dapat memahami teks melangkaui mesej pengarang.

Dapatan ini juga sama seperti apa yang dijelaskan oleh Harvey dan Goudvis (2007), iaitu menggunakan strategi yang berkesan akan dapat membantu murid menjadi pembaca yang kritikal dan pada masa yang sama dapat memahami teks dengan lebih baik. Begitu juga dengan pandangan Pressley (2002) dan Almasi (2003), guru yang mengajar murid menggunakan strategi kefahaman secara efektif akan membantu murid menjadi pembaca yang aktif dan dapat mengupas teks yang dibaca dengan menggunakan pelbagai strategi. Almani (2003) menambah murid harus tahu strategi yang pelbagai dan boleh menggunakannya. Oleh itu, guru harus mengajar murid menggunakan strategi membaca secara sendiri.

Berdasarkan dapatan daripada respons murid, didapati bahawa terdapat keselarasan dengan dapatan respons guru. Murid mengakui bahawa dengan mempelajari strategi membaca, mereka dapat menggunakan strategi tersebut untuk memahami teks dan pada masa yang sama mereka dapat memahami teks dengan baik. Oleh itu, buku *Bijak Baca* yang disediakan untuk murid telah membantu murid menggunakan strategi-strategi yang disarankan mengikut kebolehan dan pemahaman mereka. Dapatan ini disokong dengan pandangan oleh Block dan Pressley (2002). Menurut Block dan Pressley, membaca memerlukan murid menggunakan strategi membaca yang pelbagai untuk membuat ramalan, bertanya soalan, memantau pemahaman dan

pada masa yang sama membuat parafrasa serta membuat ringkasan maklumat yang penting. Durkin (1978-1979) juga menegaskan pembaca yang aktif dapat membina makna apabila dapat berinteraksi dengan teks.

KESIMPULAN


Kajian ini membincangkan usaha membina kemahiran membaca murid dengan menggunakan strategi membaca yang pelbagai. Analisis dan dapatan kajian menunjukkan bahan Bijak Baca yang digunakan guru untuk membimbing murid menggunakan strategi membaca yang berkesan telah dapat membina kemampuan murid memahami dan mentafsir makna melampaui teks, membina kemahiran menghuraikan kandungan teks dan menjadikan murid pembaca yang aktif dan mampu membaca secara sendiri. Murid juga berasa lebih yakin dan berminat untuk membaca. Oleh itu, dapatan ini memenuhi objektif dan persoalan kajian.

USAHA LANJUTAN

Berdasarkan dapatan kajian yang positif, Pusat Bahasa Melayu Singapura telah mengambil inisiatif untuk membina Pakej Bijak Baca yang lebih komprehensif. Pakej ini mengandungi dua buah buku, iaitu sebuah buku memuatkan strategi yang diperkenalkan. Buku ini diedarkan kepada murid dan guru. Sebuah lagi buku merupakan Panduan Guru yang memuatkan cadangan-cadangan untuk menjalankan setiap strategi dengan lebih terancang. Pakej ini dibina untuk menyokong pelaksanaan kurikulum baharu 2015 demi mengukuhkan kebolehan murid bukan sahaja boleh membaca pelbagai teks, malah membolehkan mereka memahami teks yang dibaca secara eksplisit dan implisit- membaca dengan menggunakan kemahiran berfikir secara kritikal.

Bijak Baca

Strategi Membaca Secara Berkesan





RUJUKAN

- Almasi, J. F. (2003). *Teaching strategic processes in reading*. New York: Guilford Press.
- Angela Almer. (2009). *All you Need to teach comprehension: Ages 5-8*. Macmillan Education: Australia.
- Block, C.C., & Pressley, M. (Eds), (2002). *Comprehension instruction: Research-based best practices*. New York: Guilford Press.
- Carlisle, J. F., & Rice, M. S. (2002). *Improving reading comprehension: Research-based principles and practices*. Baltimore, MD: York Press.
- Durkin, D. (1978-79). What classroom observations reveal about reading comprehension instruction. *Reading Research Quarterly*, 14, 481-533.
- Harvey, S., dan Goudvis, A. (2007). *Strategies that work: teaching Comprehension to Enhance Understanding*. (2nd Ed.) York, ME: Stenhouse.
- Joanne M., Zimny. (2008). *Using picture books to teach comprehension strategies*. USA: Scholastic Inc.
- Schumm, J. S.; S. W. Moody; dan S. R. Vaughn. Grouping for reading instruction: Does one size fit all? *Journal of Learning Disabilities*, 33 (5), 2000, pp. 477-488.